

## **Dr Musa Naib Canselor USIM**

Kementerian Pendidikan mengumumkan pelantikan Datuk Prof Dr Musa Ahmad sebagai Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang baru menggantikan Datuk Prof Dr Asma Ismail yang tamat tempoh perkhidmatannya.

Kenyataan akhbar KPM semalam menyatakan pelantikan itu berkuat kuasa Sabtu lalu sehingga 15 Ogos 2017 dan pelantikan itu adalah kesinambungan kepada asas yang diletakkan oleh bekas Naib Canselor sebelum ini.

Katanya, anak jati kelahiran Muar, Johor itu adalah pakar dalam bidang analisis kimia dan dianugerahkan doktor falsafah (PhD) dalam bidang Optical Fibre Chemical Sensor oleh Universiti of Manchester, England.